

SIMBANG KECIL
Lesser Frigatebird

FAMILI: Fregatidae
NAMA SAINTIFIK: Fregata ariel

CIRI-CIRI

Mempunyai paruh yang panjang dan melengkung pada bahagian hujungnya. Secara amnya, spesies ini mempunyai tengkuk yang pendek, sayap yang panjang dan ekor yang bercabang. Bahagian badannya berwarna kehitaman di mana pada bahagian sisi badan dan bawah sayap burung ini terdapat tompokan yang berwarna putih. Pada bahagian bawah tengkuk terdapat satu kantung kecil yang berwarna kemerahan. Burung ini mempunyai saiz yang agak besar iaitu di antara 71-81 sm.

MAKANAN

Diet bagi burung ini terdiri daripada ikan, sotong, telur dan anak-anak burung laut yang lain serta anak penyu. Secara umumnya spesies burung dari keluarga ini mempunyai sayap yang kuat bagi membolehkannya terbang dengan pantas. Oleh itu, burung ini menangkap mangsanya dengan cara menjunam pada permukaan air.

HABITAT

Spesies ini dijumpai di kawasan lautan yang terbuka, kawasan persisiran pantai dan juga di kawasan kepulauan yang kecil.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.